

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.03/10.12/21 Jld. 11 (5)

12 September 2024
8 Rabiul Awal 1446

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2024

**PEROLEHAN BERKAITAN PERABOT DI PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga 'A' (JKSH 'A') Bil. 7/2024 pada 29 Ogos 2024 adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga A (JKSH A) Bil. 7/2024 telah bersetuju agar pembelian perabot dengan jumlah perbelanjaan tahunan atau suatu kontrak bernilai sehingga RM50,000.00 boleh diuruskan sendiri oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) tanpa mendapatkan kelulusan pembelian dari Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

3. Ini adalah selaras dengan Pekeliling Bendahari Bil. 2/2024 – Polisi Perolehan & Prosedur Berkaitan Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan pada perkara 2.3.5.4, dimana perolehan secara Pembelian Terus adalah dibawah bidang kuasa Ketua PTJ. Mesyuarat juga bersetuju membenarkan pelawaan perolehan bekalan perabot ini dibuat secara terbuka kepada syarikat kontrak panel dan syarikat bukan kontrak panel bagi mendapatkan tawaran harga yang lebih kompetitif dan menguntungkan Universiti.

4. PTJ juga diingatkan untuk mematuhi Pekeliling Bendahari Bil. 2/2024 – Polisi Perolehan & Prosedur Berkaitan Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan dan tidak membuat pembelian secara pecah kecil untuk mengelakkan pelawaan sebutharga atau tender. Sekiranya didapati berlaku ketidakpatuhan terhadap prosedur perolehan ini, tindakan surcaj atau/dan tatatertib akan dikenakan ke atas pegawai yang bertanggungjawab. Tarikh kuatkuasa peraturan ini adalah pada tarikh surat ini dikeluarkan. Justeru itu, surat pemakluman bernombor rujukan UTM.J.03/10.12/21 Jld 10 (58) bertarikh 20 Oktober 2020 adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'

Saya yang menjalankan amanah,



(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH@AHMAD)

Bendahari

Universiti Teknologi Malaysia

s.k. Naib Canselor
 Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 Pengarah Pusat Penyelidikan – UTM Pagoh
 Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah